"The police are urging anyone with any information on the case to contact assistant investigating officer Sgt Suzy Andrew Baie on 011-14037375. Alternatively, go to the nearest police station to provide information and assist in the investigation," he said.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS BURU LELAKI DISYAKI LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP BUDAK PEREMPUAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis buru lelaki disyaki lakukan amang seksual terhadap budak perempuan

**KUCHING:** Seorang kanak-kanak perempuan dilaporkan menjadi mangsa amang seksual di sebuah tanah perkuburan lama di sebuah kampung di Betong pada 10 April lalu.

Ketua Polis Daerah Sri Aman DSP Mathew Manggie berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian pada jam 6.43 petang hari yang sama dan operasi mengesan suspek terus dilancarkan.

Katanya, suspek masih diburu kerana dikatakan melarikan diri selepas kejadian tersebut.

"Satu laporan diterima berhubung kejadian melibatkan seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun dipercayai menjadi mangsa amang seksual.

"Kejadian dilaporkan berlaku di kawasan pekuburan sebuah kampung di Betong dan sehingga kini pihak polis masih giat mengesan suspek," katanya menerusi satu kenyataan malam kelmarin.

Tambahnya, suspek merupakan lelaki warga tempatan berusia 38 tahun.

"Semakan rekod jenayah lampau mendapati suspek mempunyai tiga rekod dadah," katanya.

Kertas siasatan telah dibuka dan kes disiasat di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sebarang maklumat berhubung suspek boleh disalurkan terus kepada Penolong Pegawai Penyiasat Sarjan Suzy Andrew Baie di talian 011-14037375 atau mana-mana balai polis berhampiran.



MATHEW

# Polis buru suspek kes serangan seksual kanak-kanak 6 tahun

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Oleh COWEN LINCH 17 April 2024, 10:22 am

SRI AMAN: Polis sedang menjejaki seorang lelaki berusia 38 tahun yang disyaki terbabit dalam kes serangan seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun.

Ketua Polis Daerah, Deputi Superintenden Mathew Manggie berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu pada pukul 6.43 petang, 10 April lalu.

"Kejadian berlaku di kawasan tanah perkuburan lama di Kampung Kubal di Betong.

"Berdasarkan latar belakang, suspek mempunyai tiga rekod lampau berkaitan dadah," katanya.

Tambah Mathew, susulan daripada kejadian berkenaan, suspek melarikan diri dari tempat kejadian.

"Kami (pihak polis) sedang giat mengesan untuk menangkap suspek yang kini dalam senarai dikehendaki polis," jelasnya lagi.

Kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Justeru, Mathew meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kes dan keberadaan suspek supaya menghubungi penolong pegawai penyiasat, Sarjen Suzy Andrew Baie di talian 011-14037375 atau datang ke balai polis berhampiran untuk membantu siasatan. – UTUSAN

# Suami isteri dera anak tiri, anak angkat dipenjara dan didenda

Oleh ASYIKIN ASMIN
17 April 2024 06:40pm Masa membaca: 4 minit




Sinar Harian sebelum ini melaporkan, seorang remaja dan seorang kanak-kanak yang dijaga sepasang suami isteri terpaksa menahan azab apabila didera secara fizikal sehingga mengalami kesan lecur pada badan dalam kejadian di sebuah rumah kedai di daerah ini.

KENINGAU - Pasangan suami isteri yang mendera anak tiri dan anak angkat mereka akhirnya dijatuhkan hukuman penjara dan denda selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu.

Tertuduh Norfaizah Boting, 36, dan suaminya, Kamal Abdullah, 27, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret, Flavian Edward Henry.

Menurut kertas pertuduhan, Norfaizah yang berdepan dengan tiga pertuduhan antara 24 Mac sehingga 30 Mac lalu di sebuah bilik sewa di Pekan Keningau didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap seorang kanak-kanak lelaki dan seorang remaja lelaki berusia 14 tahun dengan menggunakan seterika digunakan sebagai senjata untuk melakukan kesalahan yang mungkin menyebabkan kematian.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang boleh dipenjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau dengan mana-mana dua hukuman tersebut.

Selain itu, tertuduh pada tarikh dan di tempat yang sama juga turut dituduh dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap kanak-kanak tersebut.

Sementara itu, Kamal pula dituduh dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap kanak-kanak dan remaja yang sama pada tarikh dan di tempat yang sama.

Sehubungan itu, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang boleh membawa hukuman penjara sehingga satu tahun dan denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Norfaizah dikenakan penjara selama empat tahun 10 bulan dan denda RM22,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dan jika gagal bayar boleh dikenakan penjara selama dua tahun enam bulan.

Suaminya pula, dipenjara selama satu tahun lapan bulan dan denda RM4,000 bagi dua pertuduhan dan jika gagal membayarnya boleh dikenakan setahun lagi penjara.

Prosiding dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Euginie Meredith Gilbert manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Sebelum itu, Ketua Polis Daerah Keningau, Superintenden Yampil Anak Garai berkata, kedua-dua mangsa dalam kes itu kini telah ditempatkan di sebuah rumah perlindungan di negeri ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KONON SEDIH, MERATAP HIBA | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 18 APR 2024 | M/SURAT : | 05 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



PETUGAS kesihatan menjalankan pemeriksaan awal terhadap bayi lelaki berusia enam bulan sejurus didakwa mati mengejut di kediamannya Isnin lalu.

# Konon sedih, meratap hiba

***Lelaki disyaki dera anak berlakon menangis ketika rumah didatangi ahli keluarga, polis***

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Raja Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Berlakon menangis sedih dan meratap hiba bersungguh-sungguh kononnya bayi lelaki baru berusia enam bulan mati mendadak ketika sedang tidur.

Itu antara 'wayang' ditunjukkan seorang lelaki berusia 25 tahun sebaik kediamannya di sebuah pangsapuri di Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Selangor, dilawati ahli keluarga dan anggota polis.

Dalam kejadian Isnin lalu, mangsa, Aysar, enam bulan, maut disyaki didera bapa kandungnya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan.

Sumber berkata, ketika awal kejadian, suspek mendakwa bayinya itu mati mengejut dan hanya disedari dia dan isteri sekitar jam 7 pagi, Isnin lalu.

Sumber berkata, beberapa ahli keluarga pasangan itu yang kebetulan menetap di kawasan Semenyih bergegas ke rumah suspek sejurus menerima panggilan kecemasan.

Menurutnya, suspek yang membuka pintu kediaman kemudian menangis kesedihan dengan mendakwa bayinya mati tanpa diketahui punca sebenar.

"Pada masa sama isterinya berusia 21 tahun hanya menangis dan tidak dapat menjelaskan punca kejadian.

"Anggota polis yang menjalankan siasatan di lokasi kejadian turut mengesyaki sesuatu tidak kena apabila suspek memberikan maklumat bercanggah berhubung kedudukan tubuh mangsa.

"Berdasarkan siasatan awal, kejadian dipercayai berlaku ketika mangsa dan ibunya baru pulang ke rumah selepas menyambut hari raya di rumah keluarganya di Subang Jaya, Selangor, Ahad lalu.

"Pada malam kejadian, ibu mangsa dan seorang lagi anaknya berusia dua tahun pergi berhari raya di rumah saudara di kawasan berhampiran," katanya.

Menurutnya, bayi itu ditinggalkan bersendirian bersama bapanya di rumah berkenaan.

"Kejadian dera dipercayai berlaku ketika ibu mangsa tiada di rumah. Suspek bertindak membalut kemas bayi itu sebelum diletakkan di atas katil.

"Bagaimanapun ibu bayi itu dilarang menyentuh mangsa yang didakwa sedang tidur sebelum menyedari bayi itu sudah tidak bernyawa," katanya.

Bagaimanapun, katanya, bayi terbabit disahkan meninggal dunia dan dibawa ke Unit Forensik Hospital Kajang untuk proses bedah siasat.

## Bedah siasat bongkar kejadian dera

**Kajang:** Bedah siasat terhadap mayat seorang bayi membongkar perbuatan dera disyaki dilakukan oleh bapa kandungnya sendiri.

Proses bedah siasat itu berjaya mengesan kecederaan di kepala bayi berusia enam bulan itu.

Perbuatan lelaki itu dipercayai berlaku di sebuah pangsapuri di Bandar Tasik Kesuma, Beranang di sini, Isnin lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang Superintendan Muhamad Nasir Drahman berkata, pada awalnya polis menerima laporan daripada bapa mangsa yang berusia 25 tahun pada jam 8.52 pagi.

"Lelaki itu mendakwa bayinya tidak sedarkan diri di rumahnya dan pemeriksaan awal mendapati tiada kecederaan di badan mangsa sebelum bayi itu dihantar ke Unit Forensik Hospital Kajang untuk proses bedah siasat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, namun hasil bedah siasat dijalankan mendapati terdapat kesan kecederaan pada mayat yang bukan disebabkan oleh kemalangan, tetapi perbuatan jenayah.

Berikutan itu, katanya, polis menahan bapa mangsa di pekarangan unit forensik hospital berkenaan jam 11.30 malam pada hari yang sama.

"Ujian saringan air kencing mendapati suspek positif dadah jenis syabu," katanya.

Muhamad Nasir berkata, suspek kini direman selama tujuh hari bermula kelmarin hingga 22 April ini untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.




JENAZAH Aysar selamat dikebumikan di Beranang, kelmarin.

## 'Saya dipukul jika pertahankan anak'

**Kajang:** "Saya tak sangka dia sanggup bunuh anak kami. Selama ini saya pertahankan anak apabila didera sehinggakan saya turut cedera dipukulnya," kata ibu mangsa yang mahu dikenali Siti.

Siti, 21, adalah ibu kepada bayi lelaki berusia enam bulan yang maut disyaki didera bapanya dalam kejadian di sebuah pangsapuri di Bandar Tasik Kesuma, Beranang di sini, pada Isnin lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam itu, bayi malang itu dipercayai dipukul, kepala dihentak pada sofa selain mulutnya disumbat dengan kain dan badan dibedung serta ditinggalkan tertiarap dalam bilik gelap tanpa pengawasan sebelum ditemukan meninggal dunia.

Siti berkata, ketika kejadian dia dan anak sulungnya yang berusia dua tahun ke rumah keluarga mentua, manakala suami tinggal bersama anak bongsunya berada di kediaman mereka.

"Suami beritahu mahu menjaga anak bongsu di rumah, jadi saya siapkan kelengkapan bayi sebelum tinggalkan mereka. Apabila pulang, suami beritahu bayi sedang tidur dalam bilik dan dia tidak benarkan saya masuk ke dalam bilik.

"Tidak lama kemudian, saya dengar anak menangis dengan kuat dan saya mahu masuk ke bilik tapi suami marah. Akibat takut dipukul, saya hanya duduk di sofa walaupun saya sangat risaukan keadaannya.

"Saya bersama anak sulung tertidur di sofa dan apabila bangun pagi itu saya segera berlari ke bilik untuk lihat keadaan Aysar. Saya angkatnya dan dapati dia sudah tidak sedarkan diri dengan badan kemerah-merahan," katanya.

Suri rumah itu berkata, dia menjerit memanggil suami sebelum lelaki itu menghubungi keluarganya dan talian kecemasan 999 untuk bantuan.

Menurut Siti, dia terkejut apabila dimaklumkan oleh doktor bahawa terdapat kesan kecederaan di tengkorak kepala bayinya dipercayai akibat dihentak objek tumpul.

"Suami memang pernah pukul saya dan anak sebelum ini. Arwah anak saya itu pernah ditampar dan dipukul serta mulut disumbat kain oleh suami.

"Saya kerap bergaduh dengan suami kerana mempertahankan anak sehingga beberapa kali saya turut menjadi mangsa pukulannya. Saya tidak pernah menceritakan perbuatan suami itu pada keluarga," katanya.

Katanya, suami yang bekerja sebagai pengawal keselamatan sudah lama tidak ke tempat kerja, malah dia baru mengetahui suaminya terbabit penyalahgunaan dadah.

TAJUK : BAYI ENAM BULAN MAUT DISYAKI DIDERA BAPA KANDUNG

HARI : KHAMIS | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 APR 2024 | M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# Bayi enam bulan maut disyaki didera bapa kandung

## Kes penderaan terbongkar selepas bedah siasat temui kesan kecederaan di kepala

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang bayi lelaki berusia enam bulan, maut disyaki akibat menjadi mangsa dera bapa kandung dalam kejadian di Pangsapuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma dekat Beranang, di sini.

Penderaan dialami mangsa terbongkar susulan bedah siasat yang dijalankan Jabatan Forensik Hospital Kajang terhadap mayat mangsa yang menemui kesan kecederaan pada kepalanya.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang, Superintendan Muhamad Nasir Drahman, berkata pada awalnya polis menerima laporan daripada bapa mangsa berusia 25 tahun pada jam 8.52 pagi pada Isnin lalu.

"Lelaki itu mendakwa bayinya ditemukan tidak sedarkan diri di rumah dekat sebuah pangsapuri di Bandar Tasik Kesuma.

"Hasil pemeriksaan awal, tiada kecederaan pada badan mangsa sebelum mayatnya dihantar ke Unit Forensik Hospital Kajang untuk bedah siasat

"Hasil bedah siasat, pakar mengesahkan kecederaan mangsa bukan disebabkan kemalangan, tetapi disebabkan perbuatan jenayah ke atas mangsa," katanya dalam kenyataan, semalam.

### Suspek positif syabu

Berikutan itu, katanya polis menahan bapa bayi berkenaan, seorang lelaki tempatan berusia 25 tahun pada jam 11.30 malam hari sama kejadian untuk membantu siasatan.

"Suspek ditahan di pekarangan Jabatan Forensik Hospital Kajang sebelum saringan air kencing yang dijalankan terhadapnya mendapati lelaki itu positif dadah jenis syabu.

"Majistret Mahkamah Bandar Baru Bangi membenarkan suspek direman tujuh hari sehingga 22 April ini untuk siasatan lanjut," katanya.

Mohamad Nasir berkata, kes ini diklasifikasikan sebagai kes bunuh dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Kita minta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini untuk tampil membantu siasatan polis.

"Maklumat boleh disalurkan terus kepada pegawai penyiasat kes, Asisten Superintendan S S Vikram di talian 019-4737108 atau mana-mana balai polis berhampiran," katanya.

Sementara itu, setakat ini polis tidak memberi sebarang ulasan mengenai keberadaan ibu kandung bayi berkenaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BABY DIES FROM ALLEGED ABUSE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


'CRIMINAL ACTIONS'

# BABY DIES FROM ALLEGED ABUSE

## Six-month-old's father held after autopsy found injuries not caused by accident


NUR NAJLAA MOHD RAHMAT
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my


A SIX-MONTH-OLD baby boy died from alleged abuse by his father at their home in Bandar Tasik Kesuma, Semenyih, on Monday.

The alleged abuse was revealed when an autopsy on the body by Kajang Hospital's Forensic Department found injuries.

Police arrested the father, 25, at Kajang Hospital's Forensic Department at 11.30pm that day.

Kajang district police deputy chief Superintendent Mohamad Nasir Drahman yesterday said the father had called the police at 8.52am on Monday saying that the baby was unconscious.

"An initial examination found no injuries on the victim's body before he was sent to Kajang Hospital's Forensic Department for further investigation.

"The examination revealed that the victim's injuries were not due to an accident, but by criminal actions," he said.

"A urine test found the suspect positive for methamphetamine.

"The case has been classified as murder. If convicted, the suspect faces the death penalty.

"The Bandar Baru Bangi magistrate's court has granted a seven-day remand for the suspect to assist in the investigation."

Nasir urged anyone with information on the case to contact investigating officer Assistant Superintendent S. Vekram at 019-473 7108 or the nearest police station.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN HELD FOR ALLEGEDLY MURDERING HIS INFANT SON | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man held for allegedly murdering his infant son

**KUALA LUMPUR:** Police arrested a man on suspicion of murdering his six-month-old son who was found unconscious in an apartment unit in Beranang, Selangor on Monday.

Kajang deputy police chief Supt Mohamad Nasir Drahman said the 25-year-old local was arrested at the Kajang Hospital Forensic Department compound at 11.30pm on the day of the incident.

"The suspect lodged a police report on April 15 at 8.52am informing that the baby was found unconscious in a unit in Baiduri Apartment, Bandar Tasik Kesuma, Beranang.

"The initial examination found that there were no injuries on the victim's body, but the results of the post-mortem confirmed that there were injuries on the victim's head which were not caused by an accident," he said in a statement yesterday.

He said the suspect tested positive for methamphetamine and he was remanded for seven days until April 22 for further investigation.

Mohamad Nasir said the case was classified as murder under Section 302 of the Penal Code. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN HELD OVER DEATH OF INFANT SON | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man held over death of infant son

**KUALA LUMPUR:** Police arrested a man suspected of murdering his six-month-old son, who was found unconscious in an apartment unit in Beranang, Selangor on Monday.

Kajang district deputy police chief Supt Mohamad Nasir Drahman said the 25-year-old local man was arrested at the Kajang Hospital compound at 11.30pm the same day.

"The suspect lodged a police report at 8.52am stating that the baby was found unconscious in a Baiduri Apartment unit in Bandar Tasik Kesuma.

"An initial examination found no injuries on the victim's body, but the results of the post-mortem confirmed there were head injuries that were not caused by an accident," he said yesterday, adding that the suspect tested positive for *syabu* and was remanded until April 22 for further investigation.

Mohamad Nasir said the case has been classified as murder and is being investigated under Section 302 of the Penal Code.

He also urged those with information to contact police or investigating officer ASP S. Vekram at 019-473 7108. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS TAHAN LELAKI DISYAKI BUNUH BAYINYA YANG BARU BERUSIA ENAM BULAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis tahan lelaki disyaki bunuh bayinya yang baru berusia enam bulan

**KUALA LUMPUR:** Polis menahan seorang lelaki yang disyaki membunuh anak kandungnya yang baru berusia enam bulan di sebuah pangsapuri di Beranang, Selangor, Isnin lepas.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang Supt Mohamad Nasir Drahman berkata, lelaki berumur 25 tahun itu ditahan di pekarangan Unit Forensik Hospital Kajang jam 11.30 malam pada hari hari yang sama.

Beliau berkata, dalam kejadian Isnin lepas suspek membuat laporan polis pada jam 8.52 pagi memaklumkan bayi itu tidak sedarkan diri di sebuah pangsapuri di Bandar Tasik Kesuma, Beranang.

"Pemeriksaan awal mendapati tiada kecederaan pada badan bayi itu, namun hasil bedah siasat mengesahkan terdapat kecederaan di bahagian kepala, yang bukan disebabkan oleh kemalangan," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohamad Nasir berkata, suspek yang didapati positif dadah jenis syabu direman sehingga 22 April ini untuk siasatan lanjut, dan kes diklasifikasikan sebagai kejadian bunuh yang disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian supaya hadir ke mana-mana balai polis berhampiran atau menghubungi pegawai penyiasat kes ASP S. Vekram di talian 019-4737108 bagi membantu siasatan. — Bernama

# Bayi enam bulan didera bapa kandung sehingga maut

POLIS DIRAJA MALAYSIA

Oleh Meja Berita 17 April 2024, 2:59 pm

PETALING JAYA: Seorang lelaki ditahan selepas disyaki mendera bayi kandungnya berusia enam bulan sehingga maut dalam kejadian di sebuah pangsapuri di Bandar Tasik Kesuma, Beranang, kelmarin.

Kejadian malang itu terbongkar selepas bedah siasat ke atas mayat bayi terbabit mendapati terdapat kesan kecederaan pada kepalanya.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang, Superintenden Muhamad Nasir Drahman berkata, pada awalnya polis menerima laporan daripada bapa mangsa berusia 25 tahun pada 8.52 pagi.

"Lelaki itu mendakwa bayinya tidak sedarkan diri di rumah di sebuah pangsapuri di Bandar Tasik Kesuma.

"Hasil pemeriksaan awal, tiada kecederaan pada badan mangsa dan mayat bayi itu dihantar ke Unit Forensik Hospital Kajang untuk bedah siasat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata, hasil bedah siasat dijalankan mendapati terdapat kesan kecederaan pada mayat yang bukan disebabkan oleh kemalangan tetapi perbuatan jenayah.

Berikutan itu, kata beliau, polis menahan bapa mangsa di pekarangan Unit Forensik hospital berkenaan pada pukul 11.30 malam hari sama.

"Ujian saringan air kencing mendapati suspek positif dadah jenis syabu.

"Suspek ditahan reman selama tujuh hari bermula semalam sehingga 22 April ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat lanjut mengenai kejadian itu supaya menghubungi Pegawai Penyiasat Asisten Superintenden S. Vekram di talian 019-4737108 atau mana-mana balai polis berhampiran. – UTUSAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT BAYI DITEMUI DALAM TANDAS MASJID | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Mayat bayi ditemui dalam tandas masjid

**Kuala Berang:** Mayat seorang bayi lelaki ditemui seorang tukang kebun di dalam tangki pam tandas perempuan di Masjid Kampung Pasir Simpul, jam 7 malam kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Pasir Simpul, Muhammad Mustaffa, berkata beliau dimaklumkan oleh tukang kebun masjid, Junaidi Sulaiman, 40-an mengenai penemuan mayat terbabit.

Beliau berkata, tukang kebun masjid memberitahu, dia terhidu bau busuk ketika mencuci tandas yang tersumbat.

Katanya, Junaidi kemudian mencungkil takung pam air tandas berkenaan sebelum terkeluar tangan dari dalam takungan pam.

"Terkejut dengan penemuan itu, Junaidi kemudian menghubungi saya dan pengerusi masjid sebelum menghubungi polis," katanya.

Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu, Deputi Superintendan Zainul Mujahidin Mat Yudin, berkata siasatan polis menjumpai bayi cukup sifat dan mereput.

Beliau berkata, bedah siasat mendapati bayi itu adalah lelaki dan sudah meninggal dunia melebihi 24 jam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan dan suspek masih dikesan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT BAYI DALAM TANGKI PAM TANDAS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mayat bayi dalam tangki pam tandas



MUHAMMAD Mustaffa menunjukkan tangki pam tandas yang berisi mayat bayi. Gambar kecil tangan bayi yang terkeluar.

**Kuala Berang:** Bau busuk dihidu tukang kebun membawa kepada penemuan mayat bayi lelaki dipercayai baru dilahirkan dalam tangki pam tandas perempuan di Masjid Kampung Pasir Simpul di sini, malam kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Pasir Simpul, Muhammad Mustaffa berkata, dia dimaklumkan tukang kebun berusia 40-an itu mengenai penemuan mayat terbabit jam 7 malam.

Menurutnya, tukang kebun memberitahu dia terhidu bau busuk ketika mencuci tandas, selain mendapati pam tandas itu tersumbat.

Katanya, lelaki terbabit membuka tangki berkenaan sebelum mendapati tangan terkeluar dari dalam.

"Terkejut dengan penemuan itu, tukang kebun menghubungi saya dan pengerusi masjid sebelum menghubungi polis.

"Kejadian ini kali pertama berlaku dan tidak sangka ia berlaku di masjid," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu Deputi Superintendan Zainul Mujahidin Mat Yudin berkata, siasatan menjumpai mayat bayi cukup sifat dan mereput.

Menurutnya, hasil bedah siasat mendapati bayi lelaki itu meninggal dunia lebih 24 jam dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CLEANER FINDS DEAD BABY IN TOILET CISTERN AT MOSQUE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



DECOMPOSING

# Cleaner finds dead baby in toilet cistern at mosque

**KUALA BERANG:** The body of a baby boy was found in the toilet cistern at Masjid Kampung Pasir Simpul here on Tuesday.

The Kampung Pasir Simpul Village Development and Security Committee chairman Muhammad Mustaffa said a cleaner found the body at 7pm when he was cleaning the women's toilets.

"After cleaning the toilet, he flushed the cistern and a foul-smelling red liquid came out.

"The cleaner thought the cistern was clogged and he tried to unclog it.

"Then a decomposing baby's hand floated out," he said at the mosque here yesterday.

He said the cleaner called him about the discovery, and he rushed to the mosque. He later alerted the police.

Hulu Terengganu district police chief Deputy Superintendent Zainul Mujahidin Mat Yudin said the baby was believed to have died more than 24 hours before discovery.

"The probe is ongoing and suspects are being tracked."

The case is being investigated under Section 318 of the Penal Code. **Bernama**

> *After cleaning the toilet, he flushed the cistern and a foul-smelling red liquid came out.*
>
> **MUHAMMAD MUSTAFFA**
> Kampung Pasir Simpul Village Development and Security Committee chairman

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BODY OF BABY BOY FOUND IN MOSQUE TOILET CISTERN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Body of baby boy found in mosque toilet cistern

**KUALA BERANG:** The body of a baby boy was found in the toilet cistern at the Kampung Pasir Simpul Mosque here Tuesday.

Kampung Pasir Simpul village development and security committee chairman Muhammad Mustaffa said the body was found by the cleaner, who is in his 40s, at 7pm when he was cleaning the women's toilets.

"After cleaning the toilet, he flushed the toilet cistern and blood-like liquid came out with a very foul smell.

"The cleaner, who thought the toilet cistern was clogged, decided to dig it out with a stick and out came the baby's hand in a state of decomposition," he said when met by reporters at the mosque here yesterday.

Meanwhile, Hulu Terengganu police chief DSP Zainul Mujahidin Mat Yudin when contacted confirmed the incident and said the baby was believed to have died more than 24 hours before being found.

"Further investigations are ongoing and the suspects are still being tracked down," he said, adding that the case is being investigated under Section 318 of the Penal Code. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT BAYI LELAKI DITEMUKAN DI DALAM TANGKI PAM TANDAS MASJID | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mayat bayi lelaki ditemukan di dalam tangki pam tandas masjid

**KUALA BERANG:** Mayat seorang bayi lelaki ditemukan di dalam tangki pam tandas perempuan di Masjid Kampung Pasir Simpul, di sini kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pasir Simpul Muhammad Mustaffa berkata mayat ditemukan seorang lelaki berusia lingkungan 40-an yang merupakan petugas kebersihan masjid itu pada 7 malam ketika sedang mencuci tandas.

"Selepas mencuci tandas, dia mengepam tandas dan ketika itu keluar cecair seakan darah yang berwarna merah pekat berserta dengan bau amat busuk.

"Lelaki berkenaan yang menyangkakan pam tandas tersumbat terus mencungkil tangki pam tandas itu dengan kayu dan kemudian terkeluar tangan bayi yang telah mereput," katanya ketika ditemui pemberita di masjid berkenaan di sini semalam.

Muhammad berkata, petugas kebersihan terbabit yang terkejut dengan penemuan mayat bayi itu segera menghubunginya sebelum beliau bergegas ke masjid dan menghubungi pihak polis. — Bernama

# Mayat bayi lelaki ditemukan dalam tangki pam tandas masjid



MUHAMMAD Mustaffa menunjukkan tangki pam tandas yang ditemukan mayat bayi lelaki di Masjid Kampung Pasir Simpul, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

Oleh NOOR HAYATI MAMAT 17 April 2024, 12:47 pm

HULU TERENGGANU: Mayat seorang bayi lelaki ditemukan di dalam tangki pam tandas wanita Masjid Kampung Pasir Simpul, dekat sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu, Deputi Superintenden Zainul Mujahidin Mat Yudin berkata, mayat bayi berkenaan dijumpai pekerja pembersihan yang ketika itu membuat kerja-kerja mencuci tandas tersebut kira-kira pukul 7 malam.

Menurutnya, terdahulu pekerja pembersihan berkenaan terhidu bau busuk dan kemudiannya mencari punca dan memasuki tandas tersebut.

"Apabila penutup pam dibuka, pekerja kebersihan tersebut ternampak tangan bayi. Hasil siasatan awal mendapati bayi berkenaan telah cukup sifat dan telah mereput.

"Laporan hasil bedah siasat mendapati bayi lelaki itu telah meninggal lebih daripada tempoh 24 jam," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Tambah beliau, kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan dan saspek masih dikesan.

Sementara itu, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Pasir Simpul, Muhammad Mustaffa berkata, dia dimaklumkan penemuan mayat bayi itu oleh petugas kebersihan, Junaidi Sulaiman, 40-an yang hubunginya melalui panggilan telefon.

"Sejurus dimaklumkan, saya ke lokasi kejadian. Melalui perbualan dengan Junaidi, selain didapati pam tandas tersumbat dia juga terhidu bau busuk ketika sedang mencuci tandas.

"Melihat air keluar berwarna gelap dan tidak seperti biasa selepas dipam, dia sangka pam tandas tersumbat. Junaidi kemudiannya bertindak cungkil tokung pam berkenaan dan tiba-tiba terkeluar tangan mayat bayi tersebut," katanya.

"Terkejut dengan kejadian itu, Junaidi kemudiannya hubungi saya dan pengerusi masjid sebelum kami hubungi polis," ujarnya.

Katanya lagi, kejadian tersebut merupakan kejadian pertama berlaku di masjid berkenaan dan mengejutkan komuniti di kampung itu. – UTUSAN

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'NAK BALIK RUMAH, AYAH SAKIT' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 APR 2024 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Nak balik rumah, ayah sakit'

***Hakim arah tukang cuci berdepan tuduhan amang seksual murid tahun 1 jalani ujian psikiatri***

**Oleh Alias Abd Rani**
am@hmetro.com.my

**Muar**

Mahkamah Seksyen di sini semalam, mengarahkan tukang cuci yang berdepan pertuduhan amang seksual fizikal terhadap murid tahun satu dalam tandas sebuah sekolah kebangsaan di Kluang, menjalani pemeriksaan psikiatri.

Hakim Abu Bakar Manat membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan pihak pendakwaan yang mahu tertuduh, Mohamad Zahiruddin Abdul, 31, menjalani ujian itu di Hospital Permai, Johor Bahru.

Ini kerana, ketika pertuduhan dibacakan tertuduh beberapa kali mengeluarkan kata-kata 'nak balik rumah, ayah sakit', membuatkan prosiding semalam hampir tergendala.



MOHAMAD Zahiruddin diarah menjalani pemeriksaan psikiatri di Hospital Permai, Johor Bahru.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu terhadap murid tahun satu dalam tandas lelaki di sebuah sekolah di Taman Sri Kluang, Kluang, antara jam 11.30 pagi hingga jam 12.30 tengah hari pada 4 April 2018.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan.

Namun tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh sejurus pertuduhan itu dibaca oleh jurubahasa.

Berdasarkan laporan mangsa, kejadian berlaku ketika tertuduh membantu mangsa membuang air kecil dalam tandas.

Tertuduh mengambil kesempatan dengan melakukan perbuatan itu menyebabkan mangsa berasa takut lalu lari ke kelas dalam keadaan menangis.

Berikutan daripada itu, ibu mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang sebelum tertuduh ditahan pada jam 4 petang, 9 April 2018.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 16 Mei ini untuk sebutan semula kes selain status laporan psikiatrik daripada Hospital Tampoi.

**» INFO**

*Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu pada 4 April 2018.*

# Prosiding kes cabul murid hampir tergendala, tukang cuci keluar kata-kata pelik

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my




Muar: Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, mengarahkan tukang cuci yang berdepan pertuduhan amang seksual fizikal terhadap murid di dalam tandas sebuah sekolah kebangsaan di Kluang, menjalani pemeriksaan psikiatri.

Hakim Abu Bakar Manat membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan pihak pendakwaan yang mahu tertuduh, Mohamad Zahiruddin Abdul, 31, menjalani ujian itu di Hospital Permai, Johor Bahru.

Ini kerana ketika pertuduhan dibacakan, tertuduh beberapa kali mengeluarkan kata-kata 'nak balik rumah, ayah sakit' membuatkan prosiding hari ini hampir tergendala seketika.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu terhadap murid tahun satu dalam tandas lelaki di sebuah sekolah di Kluang antara jam 11.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, 4 April 2018.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh sejurus pertuduhan itu dibaca oleh jurubahasa.




MOHAMAD Zahiruddin berhadapan tuduhan amang seksual terhadap murid, diarah menjalani pemeriksaan psikiatri. FOTO Alias Abd Rani

Berdasarkan laporan dibuat mangsa, kejadian berlaku ketika tertuduh membantu mangsa membuang air kecil dalam tandas.

Tertuduh kemudian mengambil kesempatan dengan melakukan perbuatan itu menyebabkan mangsa ketakutan lalu lari ke kelas dalam keadaan menangis dan trauma.

Berikutan itu, ibu mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang. Tertuduh berjaya ditahan pada jam 4 petang, 9 April 2018.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan 16 Mei ini untuk sebutan semula kes selain status laporan psikiatrik dari Hospital Tampoi.

**Disiarkan pada: April 17, 2024 @ 2:12pm**